

Guru perlu persiapkan diri hadapi cabaran

SH 30/6/08
mls 5 29

Ledakan teknologi memerlukan guru sentiasa bersedia dengan perkembangan semasa, kerenah anak-anak didik yang semakin teruja dengan era globalisasi dunia tanpa sempadan serta dasar langit terbuka hingga menjadikan tugas guru semakin mencabar.

■ ROSNANI SAAD

SHAH ALAM - Tugas guru pada masa kini menjadi semakin mencabar kerana guru tidak hanya menjadi sebagai medium penyampai pengetahuan semata-mata tetapi bertanggungjawab dalam perkembangan daya intelektual, pembinaan sahsiah, disiplin, moral, fizikal, nilai murni dan spiritual pelajar.

Pengarah Pelajaran Jabatan Pelajaran Selangor, Ashah Samah berkata ledakan teknologi memerlukan guru sentiasa bersedia dengan perkembangan semasa, kerenah anak-anak didik yang semakin teruja dengan era globalisasi dunia tanpa sempadan serta dasar langit terbuka hingga menjadikan tugas guru semakin mencabar.

"Guru juga terpaksa mempertahankan diri apabila dicabar dengan pelbagai isu terutamanya yang membabitkan profesionalisme dan kewibawaan guru.

"Tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh guru menuntut banyak kesabaran, komitmen dan pengorbanan daripada seseorang guru kepada guru, ibu bapa, masyarakat,



Ashah (tengah) menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2007 bagi kategori sekolah kebangsaan sambil diperhatikan oleh Mohd Salleh.



Sebahagian daripada kakitangan dan guru sekolah menengah yang hadir pada majlis tersebut.

kat, agama dan negara.

"Mereka ini yang menyandarkan harapan dan meletakkan kepercayaan untuk membina generasi cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2007, di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor, di sini, Rabu lalu.

Menurut beliau, dalam usaha memartabatkan profesion

perguruan bukan hanya terletak pada bahu pihak kerajaan semata-mata sebaliknya guru sendiri seharusnya memainkan peranan masing-masing agar profesion perguruan ini terus dipandang tinggi oleh masyarakat.

"Setiap warga pendidik perlu sentiasa mengamalkan sikap dan nilai budaya kerja yang positif dan inovatif, berfikir positif dan kreatif, selain mereka dapat bertindak secara proaktif.

"Di samping itu, guru perlu menjalankan tugas dengan ikhlas, cekap, amanah dan menepati masa. Pendek kata, kita perlu memelihara integriti kita sebagai seorang guru pada setiap masa dan di mana jua," katanya.

Tambahnya, hubungan sesama rakan sejawat juga merupakan aspek penting dalam usaha memartabatkan profesion perguruan yang mana setiap warga guru berkewajipan memelihara hubungan baik sesama guru.

"Sikap kerjasama dan muafakat dalam melaksanakan tugas perlu dijadikan amalan, jauhi perasaan iri hati, dengki, khianat dan prasangka buruk antara satu sama lain.

"Sentiasa mengamalkan nilai budi yang luhur, berperibadi mulia dan menangani sebarang kekusutan dengan cara yang berhemah di samping mengamalkan budaya kerja berpasukan," katanya.

Sementara itu, seramai 681 guru dan kakitangan sekolah yang berada di bawah Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Petaling Perdana yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan turut diraikan pada majlis yang sama.

Jumlah tersebut meliputi seramai 284 guru dan kakitangan sekolah kebangsaan (SK), 73 guru dan kakitangan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), 25 guru dan kakitangan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) serta 299 guru dan kakitangan sekolah menengah kebangsaan (SMK).

Hadir sama pada majlis tersebut adalah PPD Petaling Perdana, Mohd Salleh Mohd Kassim.